

03 SEP 1997

Mahathir-perkauman

TINDAKAN PENYANGAK BERSIKAP PERKAUMAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tekanan terhadap ringgit dan beberapa mata wang di Asia Tenggara mempunyai unsur perkauman yang berniat tidak baik.

"Saya secara terbuka yang orang-orang ini adalah perkauman ... mereka tidak suka melihat kita makmur," kata Perdana Menteri dalam taklimat menjelang Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau berkata selain Malaysia, Thailand, Filipina dan Indonesia yang menjadi mangsa, masalah itu turut dihadapi Hong Kong dan Taiwan.

"Semuanya walaupun tak kulit sawo matang, kulit kuning ... yang putih terlepas," katanya yang sebelum itu mengulangi kecamannya terhadap pembiayaan kewangan Amerika, George Soros sebagai penyangak yang memanipulasikan pasaran wang.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, membidas negara maju terutama Amerika Syarikat yang mempertahankan tindakan penyangak berkenaan.

Katanya, beliau bukan anti-Barat tetapi "saya anti ketidak-adilan".

"Mereka kecam kita kerana terlalu pesat membangun dan minta kita memperlahkannya tetapi kita terus juga ... kerana kita tak mahu ikut nasihat mereka, mereka ambil tindakan untuk memiskinkan kita," katanya.

"Kita tidak bermusuhan dengan orang lain tetapi mereka bermusuhan dengan kita dan kita terpaksa mempertahankan diri kita," katanya.

Menurutnya, Umno bertanggungjawab terhadap nasib orang miskin di negara ini dan tidak mahu membiarkan mereka dizalimi oleh penyangak.

Pada persidangan berita kemudiannya, Dr Mahathir mempersoalkan tindakan penyangak itu untuk menumpukan serangan mereka kepada mata wang di Asia Tenggara.

"Apakah kesalahan yang telah kami buat. Kami percaya kepada memakmurkan jiran-jiran, perdagangan bebas, kami menerima Pertubuhan Perdagangan Sedunia, kami mempunyai pasaran terbuka, kami membenarkan orang asing datang dan membeli saham-saham.

"Apa lagi yang sepatutnya kami lakukan, ambil wang dan berikan kepada mereka? Atau adakah kami perlu memiskinkan diri supaya mereka menjadi kaya?"

Ditanya sama ada masalah tekanan terhadap mata wang itu dibincangkan pada pertemuannya hari ini dengan Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong Tung Chee-hwa, Dr Mahathir berkata perkara itu turut disentuh.

Katanya, beliau mendengar pandangan Tung yang mengakui Hong Kong turut menghadapi masalah itu.

"Dia sedang mencari satu cara untuk mengatasi masalah kejatuhan nilai saham di Hong Kong ... berkenaan nilai mata wang dia dapat atasi," katanya.

Ditanya sama ada beliau yakin negara-negara di rantau ini dapat mengatasi masalah itu, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak dapat bercakap bagi pihak rantau tetapi saya percaya Malaysia mampu mengatasi masalah ini. Asas kita adalah kukuh, syarikat-syarikat terus maju, inflasi masih pada paras rendah, pertumbuhan masih diunjurkan pada kira-kira 8 peratus. Tidak ada sebarang masalah mengenai peningkatan defisit. Defisit meningkat sedikit kerana kadar pertukaran luar tetapi perbelanjaan kerajaan akan menunjukkan lebih tahun ini berdasarkan perkiraan kita." -- BERNAMA

AZZ AHH